
MESYUARAT KE-21 MENTERI – MENTERI LUAR NEGERI KOMANWEL PADA 16 SEPTEMBER 2021

Print

MESYUARAT KE-21 MENTERI – MENTERI LUAR NEGERI KOMANWEL PADA 16 SEPTEMBER 2021

YB Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah telah menyeru Negara-negara Komanwel menjalinkan rantaian kerjasama dalam usaha pemulihan COVID-19 melalui diplomasi kesihatan. Beliau juga menekankan pentingnya pengedaran vaksin COVID-19 secara adil, mudah diakses dan dengan harga yang berpatutan bagi semua negara Komanwel. Ini perlu dilaksanakan selaras dengan prinsip ketelusan dan tadbir urus yang baik.

YB Dato' Saifuddin telah menyertai Mesyuarat Ke-21 Menteri-Menteri Luar Negeri Komanwel pada 16 September 2021 secara maya.

Semasa mesyuarat tersebut, YB Menteri Luar Negeri mengariskan keperluan sektor awam dan swasta untuk terus menggunakan teknologi digital, yang telah digunakan secara meluas semasa perintah berkurung. Dalam usaha pemulihan, beliau mencadangkan agar Negara-negara Komanwel mengambil tindakan secara kolektif dalam usaha mengurangkan jurang digital di antara negara maju dan membangun.

YB Menteri Luar Negeri juga mengimbas kembali Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara Komanwel pada 1989, bertujuan melindungi alam sekitar dan menangani kesan perubahan iklim. Beliau menggesa pihak Komanwel agar komited dan terus memperjuangkan isu-isu perubahan iklim menjelang Persidangan Ke-26 Negara Ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP26).

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri tersebut telah dipengerusikan oleh Puan Yang Terutama Elizabeth Truss, Menteri Wanita dan Kesaksamaan dan Setiausaha Luar, Hal Ehwal Komanwel dan Pembangunan United Kingdom yang juga merupakan Pengerusi Komanwel.

Mesyuarat tahunan tersebut telah membincangkan isu-isu Komanwel seperti pelaksanaan mandat Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel 2018, isu-isu global semasa yang mempengaruhi Komanwel, taklimat mengenai hal-hal perselisihan persempadanan dan inisiatif - inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Sekretariat Komanwel.

PUTRAJAYA**16 SEPTEMBER 2021**